




**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
(MINISTRY OF HUMAN RESOURCES)**
BAHAGIAN DASAR PERBURUHAN
ARAS 7, BLOK D3, PARCEL D
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62530 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 5000
Faks : 03-8889 2378
E-mail: ksm@mohr.gov.my
Homepage: www.mohr.gov.my

Ruj. Kami : KSM/DP (S) 32/1/2/4/3/1/3
Tarikh : 6 September 2007

SEGERA DENGAN FAX 05-2541 388

Dr. Mah Hang Soon
Ipoh Specialist Medical Centre
26, Jalan Raja Hilir
30350 Ipoh
Perak



Tuan,

Laporan Majlis Penetapan Gaji Pembantu Klinik Swasta di Semenanjung Malaysia

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini disertakan Laporan Majlis Penetapan Gaji Pembantu Klinik Swasta di Semenanjung Malaysia yang telah diterima oleh pihak Kementerian daripada Prof. Madya Dr. Siti Rohani Yahya untuk perhatian dan tindakan tuan. Laporan yang telah dikemaskini dan muktamad hendaklah dikemukakan kepada Bahagian ini selawat-lewatnya **sebelum atau pada 21 September 2007** untuk tindakan Kementerian selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Pekerja Produktif Negara Kompetitif

Saya yang menurut perintah,

(**WAN ZULHAZMI WAN YUSOF**)
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia

s.k.

Y.B. Dr. Lee Hong Tee
No. 55 Jalan Genuang
85000 Segamat
Johor

No. Faks : 07-9324 939

Y. Bhg. Datuk Dr. Megat Burhainudduin bin Megat Abdul Rahman
Kolej Medikal dan Ahli Sains Bersekutu
Aras 6 Blok A
Pusat Bandar Damansara
50490 Kuala Lumpur

No. Faks : 03-2092 2995

✓ Dr. P. Vythilingam
Malaysian Medical Association
Tingkat 14 MMA House
124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

No. Faks : 03-4041 8187

Dr. Jaspal Singh Monocha
Malaysian Medical Association
Tingkat 14 MMA House
124 Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur

No. Faks : 03-4041 8187

Encik Krishnan Maruthamuthu
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Wisma MTUC
No.10-5 Jalan USJ 9/5T
47620 Subang Jaya
Selangor

No. Faks : 03-8024 3224

Puan Anne Khoo Kim See
Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia
Wisma MTUC
No.10-5 Jalan USJ 9/5T
47620 Subang Jaya
Selangor

No. Faks : 03-8024 3224

RINGKASAN LAPORAN MAJLIS PENETAPAN GAJI PEMBANTU KLINIK

1. TUJUAN

Majlis Penetapan Gaji Pembantu Klinik ditubuhkan bertujuan untuk mengkaji dan mengemukakan perakuan kepada Menteri Sumber Manusia mengenai:

- (a) penetapan kadar gaji untuk dibayar oleh majikan kepada pekerja yang diliputi oleh Majlis berkenaan;
- (b) cuti rehat pekerja termasuk kadar bayaran jika bekerja pada hari cuti rehat;
- (c) syarat-syarat pekerjaan termasuk mengadakan skim-skim superannuation; dan
- (d) perintah peraturan Gaji bagi MPG berkenaan.

2. LATARBELAKANG

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 September 2005 telah bersetuju dan meluluskan penubuhan Majlis Penetapan Gaji bagi Pembantu Klinik di Semenanjung Malaysia.

Majlis ini dianggotai oleh 7 orang ahli yang terdiri dari 2 wakil majikan, 2 wakil pekerja, dan 3 orang wakil bebas (termasuk pengerusi dan timbalannya). Ahli-ahli yang berikutt telah dilantik oleh Y.B. Datuk Dr Fong Chan Onn, Menteri di Kementerian Sumber Manusia mengikut peruntukan Akta Majlis Upah 1947 (1977).

- | | |
|--|----------------------|
| 1. Dr Mah Hang Soon | (Pengerusi) |
| 2. Y.B. Dr Lee Hong Tee | (Timbalan Pengerusi) |
| 3. Datuk Dr. Megat Burhainuddin bin Megat Abdul Rahman | (Wakil Orang Bebas) |
| 4. Dr. Jaspal Singh Monocha | (Wakil Majikan) |
| 5. Dr. P. Vythilingam | (Wakil Majikan) |
| 6. Encik Krishnan Maruthamuthu | (Wakil Pekerja) |
| 7. Puan Anne Khoo Kim See | (Wakil Pekerja) |

Secara umumnya, dari kajian di dapat gaji permulaan yang di bayar kepada pembantu klinik adalah tidak setara dengan tanggung jawab serta tugas yang di laksanakan. Oleh itu ahli MPG mengesyorkan satu tangga gaji minimum bagi golongan ini.

Berasaskan kepada hasil kajian, gaji permulaan yang ditawarkan kepada pembantu klinik terhadap tugas dan juga kepada keluarga, gaji permulaan yang diperoleh pada masa kerja lapangan dilaksanakan adalah tidak memadai. Ini juga diikuti dengan keadaan kos hidup dan perbelanjaan harian, yang semakin meningkat, pihak Majlis Penetapan Gaji telah mencadangkan gaji pembantu klinik di bahagi menurut Pihak Berkuasa Tempatan.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Penguasa-penguasa tempatan adalah dikenali sebagai majlis perbandaran atau majlis daerah. Ia ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) iaitu sebuah kanun yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan tetapi diterima pakai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Sistem PBT ini juga dikenali sebagai kerajaan tempatan. Majlis perbandaran biasanya ditubuhkan bagi kawasan bandar yang besar seperti Majlis Perbandaran Selayang. Majlis daerah ditubuhkan bagi kawasan-kawasan bandar kecil dan di luar bandar seperti Majlis Daerah Kuala Kangsar (Perak) dan Majlis Daerah Muar (Johor). Majlis perbandaran yang telah diberi taraf bandaraya dipanggil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Bandar pula di takrif sebagai "tempat atau pusat yang ramai penduduknya dan ada banyak urusan dan perniagaan dijalankan. Bandar satelit pula bermaksud "bandar atau bandar raya yang bergantung pada industri tempatan, tetapi ada perkaitan ekonomi dengan bandar berdekatan yang lebih besar". Sementara itu bandar raya pula membawa erti "bandar yang besar lagi penting yang biasanya ada penduduk seramai sejuta atau lebih, kota raya." Ringkasnya, ketiga-tiga takrifan ke atas bandar ini masih menumpu kepada corak ekonomi (seperti

kewujudan gedung beli-belah, hiburan, sektor industri dan perkilangan), jumlah penduduk yang ramai dan tumpuan fokus pentadbiran negara.

Disebabkan taraf hidup penduduk di kawasan bandaraya, perbandaran dan daerah berbeza, maka dicadangkan gaji pembantu klinik seperti berikut:

- Kawasan di bawah Pentadbiran Bandaraya – RM700;
- Kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran - RM600; dan
- Kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Daerah - RM500.

Asas penentuan gaji adalah berdasarkan kepada keadaan ekonomi semasa dan juga supaya pembantu klinik ini boleh menjadikan pekerjaan ini sebagai kerjaya mereka.

ASAS PERTIMBANGAN UNTUK PENETAPAN GAJI PEMBANTU KLINIK

Berikut ialah fakta penting yang di perolehi daripada kajian

1. Gaji asas yang ditawarkan kepada pembantu klinik hanyalah di sekitar RM250-RM500 sebulan.
2. Kebanyakan pembantu klinik hanya bekerja 8 jam dan menurut syif yang ditetapkan. Oleh itu gaji bulanan (kasar termasuk elaun) yang diperolehi oleh pembantu klinik adalah di sekitar RM700-RM1000.
3. Majoriti daripada pembantu klinik memiliki Sijil Pelajaran Malaysia dan bertanggung jawab kepada berbagai tugas iaitu dispenser, pembantu doktor, penyimpan rekod dan lain-lain.
4. Kenaikan gaji tahunan adalah kurang dari RM50 setahun.

.....

CADANGAN

1. Untuk menarik generasi belia menyertai profesion ini, penetapan gaji minima adalah seperti berikut:

Kawasan di bawah Pentadbiran Ebandaraya	- RM 700 - bekerja 8 jam
Kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Perbandaran	- RM600 - bekerja 8 jam
Kawasan di bawah Pentadbiran Majlis Daerah	- RM500 - bekerja 8 jam.

(Nota: Perbezaan gaji antara kawasan ini dengan mengambilkira kos hidup, pendapatan dari segi belanja terhadap sewa rumah dll adalah berbeza.)

2. Lain-lain

(a) Kenaikan Gaji Tahunan

Kenaikan gaji tahunan adalah berdasarkan prestasi klinik dan pekerja serta kadar pasaran semasa. Namun demikian, kenaikan gaji digalakkan supaya pekerja lebih komited dan kekal bekerja dalam sesebuah klinik dan menjadikan jawatan pembantu klinik sebagai kerjaya mereka.

(b) Bonus

Bonus tahunan, berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh klinik, boleh dipertimbangkan selepas mengambilkira prestasi sebenar klinik. Namun demikian pemberian bonus digalakkan sebagai insentif untuk pekerja bekerja dengan bersungguh-sungguh dalam meningkatkan prestasinya.

(c) Kerja Lebih Masa

- Kerja lebih masa yang melebihi waktu bekerja biasa seorang pekerja hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat kelulusan klinik.
- Kadar bayaran kerja yang dijalankan melebihi waktu bekerja biasa pada hari kerja biasa. Hari Rehat, Cuti Mingguan dan Cuti Am adalah dibayar mengikut formula dan kadar yang diperuntukan Akta Kerja 1955.
- Kadar bayaran lebih masa bagi kerja lebih masa pada hari

jam.

(d) Caruman kepada KWSP dan PERKESO

- Pihak klinik dan pekerja akan mencarum kepada KWSP berdasarkan syarat syarat dan sekurang kurangnya mengikut kadar yang ditetapkan oleh Akta KWSP 1991.
- Klinik dan pekerja juga akan mencarum kepada PERKESO mengikut syarat syarat dan kadar yang ditetapkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial 1969.